

23 MAY 2000

Mahathir-Sipadan

MALAYSIA TIDAK AMBIL TINDAKAN BERSENDIRIAN -- KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Malaysia tidak mengambil apa-apa tindakan secara bersendirian untuk membebaskan 21 orang yang kini ditahan oleh sekumpulan penculik bersenjata di pulau Jolo di selatan Filipina.

Dr Mahathir menafikan dakwaan kononnya Malaysia telah melakukan tindakan semikian dengan menghantar duta besarnya ke Filipina, Mohamed Arshad M.Hussain untuk berunding dengan kumpulan penculik itu.

"Apa-apa tindakan yang dilakukan oleh Malaysia adalah dilakukan dengan pengetahuan dan kebenaran kerajaan Filipina," katanya kepada pemberita selepas merasmikan forum Asia-Afrika di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan berita bahawa ketua perunding bagi kerajaan Filipina Robert Aventajado telah melahirkan rasa kesalnya terhadap tindakan Mohamed Arshad itu.

Aventajado dipetik sebagai berkata bahawa tindakan itu merupakan satu percubaan untuk mengelesaikan isu penculikan itu secara bersendirian, tanpa melalui beliau.

Mohamed Arshad dipetik sebagai berkata baru-baru ini bahawa dakwaan yang beliau telah berunding dengan penculik-penculik itu adalah tidak benar sama-sekali. Katanya beliau tidak pernah diberi mandat untuk berunding.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Ahad lepas, pertemuan antara Mohamed Arshad dan penculik-penculik itu Khamis lepas diadakan dengan pengetahuan dan kebenaran pihak berkuasa Filipina.

Dr Mahathir berkata perkara utama yang menjadi kebimbangan pihak Malaysia ialah nasib mangsa-mangsa itu yang diculik dalam wilayah Malaysia.

"Mereka (mangsa penculikan itu) juga termasuk rakyat Malaysia. Kita mempunyai hak untuk mengambil berat tentang nasib mereka," katanya.

Mangsa-mangsa penculikan itu, sembilan rakyat Malaysia dan 12 warga negara asing, diculik oleh kumpulan lelaki bersenjata dari pulau Sipadan, dekat Sabah pada 23 April lepas.

-- BERNAMA

AR NMO